

**TEKS UCAPAN
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS AMANAT TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2016
RABU, 17 FEBRUARI 2016, PUKUL 10:00 PAGI
DI DEWAN KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI,
UMP KAMPUS GAMBANG**

DESTINY BY DESIGN

MenggarapTakdir

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya berpeluang bertemu dengan warga UMP pada pagi ini untuk menyampaikan Amanat Tahunan Naib Canselor bagi 2016.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua yang hadir.

3. Buat warga kerja sekalian, kehadiran tahun baharu 2016 ini tentu sekali menuntut komitmen berterusan anda untuk menyumbangkan perkhidmatan yang cemerlang bagi mengupayakan sistem penyampaian yang terbilang.

4. Buat warga mahasiswa pula, sempena bermulanya Semester 2, Sesi Akademik 2015/2016, saya ucapkan selamat kembali ke kampus. Dengan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu serta kesannya kepada pasaran kerja, maka warga mahasiswa sekalian adalah tercabar untuk menyempurnakan pengajian di sini dengan secemerlang mungkin sebagai bakal graduan yang kompetitif.

5. Kombinasi kesedaran dan komitmen dalam kalangan warga kerja dan mahasiswa tersebut *Insyallah* akan menghasilkan impak besar kepada Universiti ini, terutamanya dalam konteks aspirasi strategik kita untuk menjadikan UMP sebuah universiti gemilang menjelang tahun 2020.

6. Tuan-tuan dan puan-uan,

Pencapaian UMP dalam tahun 2015 telah menyediakan asas yang kukuh untuk kita memasuki tahun 2016 ini dengan kesiap-siagaan yang ampuh.

7. Mercu tanda pencapaian 2015 ialah kejayaan kita memperolehi status autonomi daripada Kementerian Pendidikan Tinggi berkuatkuasa 11 Ogos 2015. Dengan autonomi tadbir urus dalam bidang-bidang institusi, sumber manusia, kewangan dan akademik yang dimilikinya, maka UMP kini berada pada landasan pertanggungjawaban yang tinggi untuk memanfaatkan status ini bagi maksud prestasi.

8. Sehubungan dengan itu, sukalah saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga kerja dan mahasiswa UMP atas perkhidmatan dan sumbangan cemerlang bagi melonjakkan prestasi Universiti ini sepanjang tahun 2015.

9. Bagi meneruskan lagi pencerahan pada hari ini, Amanat Tahunan 2016 saya didasari oleh tema *Destiny By Design*. Jika diterjemahkan ke Bahasa Melayu, tema ini, pada hemat saya, dapat diungkap dengan frasa 'Menggarap Takdir', sesuai dengan intipati semangat mesej yang ingin saya sampaikan.

MEMAHAMI KONSEP DESTINY BY DESIGN

10. Secara literalnya, perkataan *destiny* mendukung maksud takdir atau nasib pada hari muka. *Design* pula adalah rekabentuk. Ungkapan *by design* merujuk kepada tindakan yang dilakukan dengan sedar dan sengaja untuk menjadikan sesuatu.

11. Penyampaian hari ini adalah satu cubaan saya untuk menginspirasi kita semua untuk menekuni intipati perancangan dan pelaksanaan strategi UMP dalam fasa 2016-2020. Ini adalah kerana, perancangan dan pelaksanaan Pelan Strategik tersebut merupakan rangkaian usaha yang digerakkan oleh warga UMP sendiri secara sedar dan sengaja untuk menggarap takdir bagi Universiti ini.

12. Kita akur dan menerima bulat bahawa takdir semestinya juga adalah ketentuan Allah Ta'ala. Kita mampu merancang dari sebesar-sebesarnya sehinggalah yang sekecil-kecilnya, manakala Allah Ta'ala jualah yang Maha Menentukan. Namun, kita diingatkan melalui firman-Nya dalam al-Qur'an, Surah ar-Ra'd, ayat 11 yang bermaksud:
“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.”

13. Justeru pencapaian dan kejayaan yang kita hasratkan untuk UMP harus dapat direalisasikan sekiranya kita sendiri sebagai warga Universiti ini terlibat secara aktif dalam kerangka atur gerak usaha untuk menciptanya.
14. Maka itulah, usaha yang ingin dirangkumkan untuk sampai ke puncak kegemilangan perlu direncana dengan teratur dan tertib sebagai satu rekabentuk (*design*) yang strategik. Kesudahannya nanti mestilah memberi pulangan nilai yang menguntungkan bukan sahaja dari segi material, tetapi juga dari segi reputasi, jenama, kepercayaan umum terhadap UMP dan, tidak ketinggalan, kesejahteraan kepada warga universiti ini.
15. Sementara itu, fasa-fasa strategik yang melatari perkembangan dan pertumbuhan UMP sejak tahun 2002 sehingga kini merupakan rangkaian rekabentuk agung (*grand design*) bagi menentukan bahawa Universiti ini mengarah kepada kegemilangan.

16. Sekiranya disorot kembali, UMP telah melalui empat fasa strategik dalam kerangka *grand design* tersebut. Ini bermula dengan fasa 'Meletakkan Asas Universiti Teknikal' antara tahun 2002 hingga 2007; seterusnya 'Memperkuh Asas, Menjana Kecemerlangan' antara tahun 2008 hingga 2010 dan 'Universiti Teknologi Pilihan Utama' antara tahun 2011 hingga 2015.

17. Kini, UMP sedang beralih ke fasa 'Menjana Kegemilangan' bermula tahun 2016 ini hingga 2020. Sekiranya fasa 2016-2020 ini dapat ditempuhi dengan jayanya, maka kegemilangan hasilnya kelak akan menentukan UMP *beyond 2020*, iaitu apakah akan tiba saatnya nanti di mana Universiti ini dapat berdiri sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi berorientasikan teknologi yang bertaraf dunia.

18. Coba kita semua bayangkan sekiranya UMP tidak dijabarkan di atas *strategic grand design* yang saya sebutkan tadi. Senarionya adalah ibarat sebuah kapal yang sedang belayar. Walaupun segala kelengkapan enjinnya berfungsi dengan baik, mana mungkin nakhoda kapal dapat menavigasikan pelayaran itu dengan sempurna tanpa bantuan peta, radar, sonar dan info cuaca. Tambahan pula, tanpa kerjasama yang baik daripada pegawai-pegawai dan anak-anak kapal yang lain, pelayaran sebuah kapal yang terancang atau termewah sekalipun pasti akan menemui kegagalan.

PELAYARAN YANG JAUH

19. Tuan-tuan dan puan-puan,

Untuk manfaat rakan-rakan yang belum atau tidak bersama kita di UMP pada tahun-tahun yang lalu, saya terpanggil untuk menziarahi semula laluan kita sehingga kini. Bukanlah tujuannya untuk menoleh ke belakang, apatah lagi bernostalgia. Tetapi, tolehan tersebut bertujuan untuk menyemak semula persediaan kita sehingga kini dengan harapan yang menyakinkan kita bahawa sememangnya UMP berada di atas landasan yang betul dan seterusnya mampu memecut ke garisan penamat.

20. Sepanjang lapan tahun yang lepas, bentuk transformasi pemikiran, sikap dan tindakan yang perlu didakap seluruh warga UMP telah saya ulas dan kupas dalam lapan perutusan tahunan. Tujuan saya adalah agar setiap tahun tersebut menjadi *building block* dalam pembangunan kapasiti sebenar UMP.

21. Bermula pada tahun 2009, saya berbicara dengan serius mengenai hakikat kewujudan UMP sebagai sebuah universiti teknikal melalui perutusan yang bertajuk '*Engineering, Technology, Creativity: Memaknakannya Kepada Sebuah Universiti Berfokus*'.

22. Setelah menyedari hakikat kewujudannya, maka pada tahun berikutnya, saya mengajak pula warga UMP untuk melihat prospek kecemerlangan UMP dalam jangka masa panjang dan kerangka strategi untuk merealisasikannya melalui perutusan tahun 2010 yang bertajuk '*Membangun Universiti Bagi Keunggulan Lestari*'.

23. Sekadar meletakkan strategi dan melaksanakan inisiatif secara tidak terkawal, iaitu tanpa kerangka regulatori sendiri dan institusional boleh menyebabkan kita kehilangan arah dan mungkin menjerumuskan kita ke kancuh anarki. Maka itulah pula, dalam tahun 2011, saya menyentuh peri pentingnya acuan tabiat, sikap dan persediaan khusus dalam perjalanan strategik UMP melalui perutusan yang bertajuk '*Ke Arah Universiti Pilihan Utama: Transformasi, Migrasi dan Penjajaran*'.

24. Dalam keputusan inilah, saya telah mengibaratkan perjalanan strategik UMP sebagai satu proses migrasi perdana yang jauh dan kritikal. Di sinilah juga saya berkongsi pengajaran saintifik dari aspek gelagat dan persediaan yang khusus (*special organizational behavior and preparation*) yang dapat diteladani daripada proses migrasi tahunan burung tern Artik dari Kutub Utara ke Kutub Selatan dan kembali ke Kutub Utara.

25. Dengan kerangka gelagat dan persediaan yang khusus itulah maka UMP dapat dikelola dan dikemudi dengan kawalan yang terarah di mana aspek inovasi dalam kepelbagaian persona warganya dapat dimanfaatkan secara optimum. Inilah yang mengisi wacana tahun 2012 melalui keputusan yang bertajuk 'Inovasi Berdisiplin Sepanjang Migrasi'.

26. Persoalan-persoalan pokok dalam konteks kemandirian UMP pula telah dipanjangkan bicaranya pada tahun 2013 melalui perutusan yang bertajuk 'Menuju Kecemerlangan: Kembali Kepada Asas'. Penekanan ketika itu ialah bahawa keghairahan kita mengejar pencapaian haruslah turut realistik terhadap keupayaan semasa dalam pelbagai aspek supaya pacuan usaha dan inisiatif tersebut lebih praktikal sifatnya dan bukan berakhir sebagai kemegahan atau keyakinan yang keterlaluan (*vanity*).
27. Maka itulah, pada tahun 2014, saya seterusnya mengingatkan kembali warga UMP mengenai prinsip asas yang diguna pakai untuk menguruskan Universiti ini bagi mengekalkan orientasi prestasinya. Tema 'Berasaskan Nilai, Berfokuskan Strategi dan Berpandukan Prestasi' yang mendasari perutusan saya pada tahun tersebut adalah juga pendekatan pengurusan yang telah saya gunakan untuk UMP selama ini.

28. Dengan kesedaran secara holistik terhadap segala dimensi realiti tersebut, baharulah wujud satu kekuatan untuk UMP muncul unik dalam kelasnya dengan jenama dan prestij yang tersendiri. Inilah gagasan pemikiran yang dikemukakan pada tahun 2015 melalui perutusan yang bertajuk 'Berani Berbeza: Memaknakan Autonomi'.

29. Gagasan pemikiran yang saling berkaitan dan berkesinambungan sejak lapan tahun yang lepas itu semuanya berlegar dalam *grand design* garis masa pelan strategik UMP yang kini telah berusia 14 tahun. Kita mampu membayangkan *destiny* yang kita inginkan untuk UMP dan imaginasi tersebut hendaklah diterjemahkan dalam bentuk strategi dan inisiatif yang luar biasa serta mencabar keupayaan kita yang lazim.

PELAN STRATEGIK UMP 2016 – 2016 DAN DESTINY

30. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sejak bulan September 2015, warga UMP yang mewakili pelbagai lapisan telah tampil untuk terlibat dalam membentuk Pelan 5 Tahun UMP. Melalui proses libatsama (*engagement*) tersebut, mereka telah memerah minda, bertukar buah fikiran, melontar pandangan, mencabar kelaziman, menziarahi andaian, mempersoal amalan semasa dan tidak kurang juga memaparkan keberanian untuk berbeza dari kebiasaan dan berbeza pendapat sesama sendiri.

31. Sesi libatsama tersebut dimulakan dengan konsultasi bersama para Dekan di mana pendapat mereka dirujuk mengenai maksud dan gambaran kegemilangan (*glory*) dari sudut pandang fakulti masing-masing. Ini disusuli pula dengan beberapa lagi sesi pembentukan pelan dan pemurnian. Mengakhiri proses libatsama tersebut ialah sesi *townhall* yang telah diadakan pada 2 Februari 2016 yang lalu.

32. Pelan Strategik 2016-2020 tersebut adalah hala tuju bagi fasa terakhir yang diwarisi warga UMP hari ini untuk melengkapkan laluan strategic 2002 – 2020. *Grand design* tersebut telah menetapkan hasrat bahawa UMP perlu menjadi universiti bertaraf dunia pada 2020, dan ruang masa antara 2016 hingga 2020 merupakan fasa untuk menjana kegemilangan.
33. Bertitik tolak dari ketetapan itu, maka warga UMP yang terlibat dalam proses rekabentuk Pelan Strategik tersebut telah mengusahakan *the way forward* atau gerak langakah untuk UMP mara ke hadapan. Maka pada hari ini saya dengan sukacitanya berdiri di hadapan tuan-tuan dan puan-puan untuk memberikan pencerahan tentang dapatan yang terhasil daripada usaha warga UMP yang tersebut.
34. Pucuk pangkal yang mendasari Pelan Strategik UMP 2016-2020 ialah pernyataan visi (*vision statement*) di mana wawasannya jelas bahawa kemenjadian yang diinginkan (*what do we want to be*) ialah untuk UMP muncul sebagai sebuah **universiti teknologi terunggul**.

35. Dalam keadaan yang lazim, pernyataan visi sesebuah organisasi tidak kerap berubah. Maka, visi UMP untuk fasa 2016-2020 ini adalah modifikasi ringkas daripada pernyataan visi sebelum ini, namun lebih bersifat khusus dalam semangat asal dan konteks yang sama.
36. Semestinya, menjadi sebuah universiti terunggul adalah satu wawasan yang melewati kedudukan bertaraf dunia. Malah hasratnya jelas untuk UMP mampu menonjolkan dirinya berbanding universiti-universiti lain yang bertaraf dunia. Dalam hal ini, terjemahan Inggeris yang dipilih ialah *distinguished*. *Therefore UMP aspires to become a distinguished technological university.*
37. Falsafah dalam sesuatu pernyataan visi perlu pula disusuli dengan pernyataan misi (*mission statement*). Pernyataan misi berperanan untuk menjelaskan kepada khalayak ramai, khususnya pemegang-pemegang taruh kita mengenai urusan teras (*core business*) UMP yang sebenarnya. *It is the reason for our existence*. Apakah sebenarnya tujuan (*purpose*) kita? Justeru, misi adalah pelaksanaan usaha-usaha nilai tambah yang akan membawa kita ke destinasi yang terkandung dalam pernyataan visi dan didasari nilai teras UMP.

38. Oleh yang demikian, pernyataan misi UMP yang telah dipersetujui adalah:

“Kami menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi kreatif dan inovatif yang memaksimumkan potensi insan untuk manfaat masyarakat”.

39. Kemenjadian UMP sebagai universiti teknologi bertaraf dunia yang unggul hanya dapat diiktiraf melalui pencapaian tertentu. Keunggulan yang dihasratkan perlu dizahirkan dalam bentuk kejayaan. Maka Pelan Strategik UMP 2016-2020 telah meletakkan lima (5) objektif sebagai sasaran yang perlu dicapai:

PERTAMA, Menzahirkan graduan holistik yang relevan dengan keperluan masyarakat yang membudayakan teknologi dan keusahawanan melalui ekosistem universiti yang dinamik;

KEDUA, Membina kewangan yang mampan demi kelestarian universiti;

KETIGA, Menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang berteraskan teknologi demi memastikan kelestarian bakat dan bidang fokus penyelidikan;

KEEMPAT, Menjadi wadah kemampanan pembangunan sosio-ekonomi, persekitaran dan masyarakat; dan

KELIMA, Membina jenama yang menjadi pilihan masyarakat.

40. Setiap objektif yang disebut tadi telah dirangka agar usaha kita untuk lima tahun ini akan lebih terfokus kepada perkara yang penting dan utama. Maka setiap pencapaian objektif tersebut mestilah boleh diukur secara objektif, realistik dan dapat dipantau dengan berkesan.

FOKUS KITA

41. Tuan-tuan dan puan-puan,

Demi menentukan bahawa gerak kerja pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 menjadi lebih tersusun, bidang-bidang dan skop kerjanya juga telah dikenalpasti. Pendekatan pelaksanaan setiap aktiviti dalam bidang tugas tersebut direncana untuk bersifat transformasional dengan inovasi nilai.

42. Justeru, rangkuman bidang tugas bagi setiap fokus kerja berkenaan dirujuk sebagai Lonjakan Strategik (*Strategic Leap*). Maka, lima lonjakan yang telah dikenalpasti dalam Pelan Strategik UMP 2016-2020 ialah:

PERTAMA, Keunggulan akademik. Kurikulum yang inovatif, staf yang kompeten dan profesional, infrastruktur akademik yang efisien berorientasikan keperluan masyarakat;

KEDUA, Kelestarian kewangan. Menjana pendapatan, meningkatkan pelaburan dan mengoptimumkan perbelanjaan serta mewujudkan persekitaran kondusif yang dapat menyokong kelestarian universiti;

KETIGA, Keunggulan penyelidikan dan inovasi. Kemampuan penyelidikan yang memberi impak kepada masyarakat melalui kluster penyelidikan yang berstruktur;

KEEMPAT, Kemampuan sosio ekonomi dan persekitaran. Universiti merupakan wadah dalam memberi impak terhadap pembangunan sosio-ekonomi, persekitaran dan masyarakat; dan

KELIMA, Keunggulan jenama. Dirujuk sebagai universiti yang memertabatkan bakat, kemahiran dan keserjanaan yang berteraskan nilai-nilai murni.

JAJARAN ASPIRASI NASIONAL

43. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebagai sebuah Universiti Awam, UMP perlu menghayati realiti dan aspirasi nasional dan pada masa yang sama, turut inovatif dan kreatif bergerak kerja dalam iklim global, skop dan sempadan autonomi yang kita miliki.

44. Justeru, dasar-dasar utama di peringkat nasional yang meliputi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Rancangan Malaysia Ke-11 dan Bajet 2016 turut terhitung dalam formulasi strategi, tindakan dan inisiatif di peringkat UMP bermula tahun 2016 ini.

45. Malah, usaha dan respon kepada intipati Amanat Tahun Baharu 2016 oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh yang bertajuk 'Pendidikan Fleksibel' pada 18 Januari yang lalu perlu turut diberikan perhatian.

46. Terdapat enam dimensi cabaran yang dikemukakan beliau untuk diteliti secara strategik iaitu pertama, ekonomi dan kewangan; kedua, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET); ketiga, pelajar; keempat, pensyarah; kelima, kerjasama industri-akademia-komuniti-kerajaan; dan keenam, penyelidikan.
47. Menarik sekali untuk disebutkan di sini bahawa terdapat beberapa perkara yang disentuh dalam Amanat Menteri Pendidikan Tinggi tersebut telah pun terlebih dahulu diberikan perhatian awal oleh UMP.
48. Umpamanya, dalam konteks cabaran ekonomi dan kewangan, UMP telah pun memulakan inisiatif *Mygift* sebagai pemacu sistem kewangan wakaf dan endowmen.
49. Dalam konteks cabaran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pula, UMP juga telah mengorak langkah mengembangkan potensinya dalam bidang teknologi kejuruteraan (*engineering technology*) sebagai inisiatif sokongan terhadap ekosistem TVET nasional secara berkualiti dan berinovasi.

50. Dalam konteks cabaran kebajikan pelajar pula, sebelum berlakunya polemik berhubung isu mahasiswa lapar baru-baru ini, UMP telah pun memulakan inisiatif-inisiatif yang memelihara kesejahteraan pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik. Program Kongsi Rezeki, yang menawarkan set makan tengah hari kepada mahasiswa dengan harga serendah RM 1.00 semasa musim peperiksaan, iftar jamai'e pada bulan Ramadhan, kupon makanan, pengagihan zakat dan pelbagai bantuan lain yang diusahakan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) untuk meringankan beban pelajar. Pada masa yang sama, peluang kerja sambilan dan aktiviti keusahawanan turut terbuka luas di UMP bagi membantu para mahasiswa menjana pendapatan sampingan.

MENJANA KEGEMILANGAN

51. Tuan-tuan dan puan-puan

Kesejajaran aspirasi pada gerak usaha yang dinyatakan tadi hanyalah beberapa contoh daripada banyak lagi inisiatif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh UMP. Malah terdapat juga beberapa kesejajaran antara inisiatif UMP dengan 10 lonjakan PPPM (PT). Maka dalam kerangka *grand design* garis masa Pelan Strategik UMP, pendekatan yang bersinergi harus digunakan.

52. Justeru, Pelan Strategik UMP 2016-2020 telah membangunkan beberapa Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators* (KPI) dengan menggabung jalin keperluan prestasi lonjakan PPPM (PT) dan pencapaian objektif strategik UMP.

53. Pendekatan ini akan memastikan bahawa UMP berupaya menyampaikan (*to deliver*) apa yang dituntut daripada kita oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan pada masa yang sama mencipta keunikannya sendiri yang gemilang.
54. Perkataan keunggulan dan kegemilangan yang terukir dalam Pelan Strategik 2016-2020 menuntut kita untuk memaparkan kejayaan yang tidak kecil dan tidak sedikit menjelang 2020. Maka kini, terdapat tiga persoalannya: **Bagaimanakah kegemilangan itu mampu kita jana? Apakah sandaran mapan yang dapat kita pegang secara pasti untuk mencapai kegemilangan? Apakah pula ciri-ciri perkara yang membawa UMP ke arah kegemilangan?**
55. Pada pendapat saya, kita akan hanya dapat mengetahui bahawa kegemilangan yang diburu itu benar-benar telah direalisasikan apabila KPI-KPI strategik itu tercapai dan bersamanya, kita turut mendapat pengiktirafan luar (*external validation*).

56. Namun begitu, UMP perlu mengemudi proses menjana kegemilangan tersebut dengan sepenuh kebijaksanaan dan keyakinan. Untuk itu saya ingin mengutarakan beberapa ciri yang harus digunakan sebagai rujukan dalam usaha menjana kegemilangan:

PERTAMA, inisiatif bernilai tinggi yang membawa kesan yang besar kepada pemegang taruh dan masyarakat;

KEDUA, unik, istimewa atau luar biasa (tidak mudah didapati) sama ada dari aspek produk, perkhidmatan atau projek itu sendiri mahu pun *business model* yang ditampilkan;

KETIGA, tidak mudah ditiru di mana sebarang cubaan meniru apa yang kita miliki atau lakukan hanya mengeluarkan hasil imitasi yang kurang sempurna; dan

KEEMPAT, tiada gantian di mana nilai tambah yang kita tawarkan tidak dapat diganti dengan produk atau perkhidmatan lain.

57. Dalam hal ini, warga UMP yang terlibat dalam proses rekabentuk Pelan Strategik UMP 2016-2020 telah mengesyorkan beberapa aspek dan bidang yang diyakini mampu memaparkan kegemilangan Universiti ini. Justeru, beberapa projek khusus akan dimulakan. Tidak kurang juga, beberapa projek telah pun bermula menjanjikan potensi kegemilangan yang tinggi.
58. Sukacita juga saya mengumumkan bahawa tiga projek khusus (*flagship*) berikut akan dimulakan dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2016 - 2020 iaitu:

PERTAMA, Pendidikan teknologi ala Jerman. Untuk itu, setiap fakulti harus mempunyai sekurang-kurangnya satu program bercorak Jerman, ala Jerman atau kerjasama dengan institusi di negara Jerman;

KEDUA, Inovasi sosial. Ini adalah satu gerakan usaha kerja amal kemasyarakatan dan pemindahan pengetahuan atau ilmu ke peringkat yang seterusnya. Sifatnya harus berimpak tinggi dan skop penerima manfaat yang luas. Projek Universiti Komuniti (*Community University*) adalah gerakan besar-besaran UMP untuk memasyarakatkan universiti melalui pengetahuan dan teknologi; dan

KETIGA, Pengurusan kaedah enterprais. Pengurusan prestasi (produktiviti, keberkesanan, kecekapan), pelan himpunan bakat penggantian, pengurusan risiko, ganjaran berasaskan prestasi dan sebagainya.

59. Dengan kegemilangan yang menjadi buruan UMP, maka segala kelengkapan dan persediaan ke sana haruslah berada di tempatnya (*in place*). Contoh yang saya gunakan pada tahun 2011 sebagai '*special behaviour and preparation*' sebagaimana yang dipelajari daripada migrasi burung tern Artik perlu dirujuk semula supaya *destiny* itu kelak, dengan izin Allah Ta'ala, dapat direalisasikan.

60. Maka itulah, Pelan Strategik UMP 2016-2020 telah melalui satu proses rekabentuk (*design*) yang panjang sejak tahun 2015 lagi. Metodologi tertentu yang digunakan dalam proses rekabentuknya bertujuan untuk memastikan kita memberi perhatian kepada perkara yang sepatutnya berada dalam senarai keutamaan strategik Universiti ini.
61. Jelas bahawa Pelan Strategik yang telah diukir ini akan dijadikan rujukan yang memandu gerak kerja untuk lima tahun sehingga 2020 adalah hasil sumbangan warga UMP. Ini bukanlah satu dokumen yang diturunkan daripada Pejabat Naib Canselor atau Jabatan Pendaftar sebagai *top down prescription*.

62. Permuafakatan, azam dan usaha kolektif itulah perlu terlebih dahulu diletakkan sebelum ditawakkalkan, sepertimana firman Allah Ta'ala dalam al-Qur'an, Surah Ali Imran, ayat 159 yang bermaksud,

“dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakal kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.”

63. Dengan strategi dan inisiatif yang diatur gerak itulah pula kelak kita akhirnya bertawakkal kepada Allah Ta'ala kerana soal mengenai baik buruk hasilnya adalah ditentukan oleh-Nya. Apa yang penting, strategi, inisiatif dan persekitaran yang tepat telah diusahakan. Dengan berpegang teguh kepada nilai-nilai teras UMP yang murni, *Insyallah* akan suluh pedoman kita (*our guiding lights*) dalam perjalanan jauh ini.

PENUTUP

64. Tuan-tuan dan puan-puan,

Pengisian dokumen Pelan Strategik ini menuntut kita untuk berfikiran dengan jelas, menzahirkannya dengan perkataan yang meyakinkan, bertindak dengan cukup berani lagi bijaksana, bertabiat mulia sehingga membentuk watak yang tinggi darjatnya; sehingga perwatakan kolektif kita itu menentukan *destiny* atau takdir untuk UMP. Dalam hal ini saya ingin memetik kata-kata Frank Outlaw, yang saya rasa sering didengari:

“Watch your thoughts: they become words

Watch your words: they become actions

Watch your actions; they become habits

Watch your habits; they become character

Watch your character; it becomes your DESTINY”

65. Sebelum mengakhiri pembentangan saya pada hari ini, sukalah saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang dalam persediaan Majlis Amanat Tahunan 2016 ini.

66. Terima kasih yang tidak terhingga juga saya sampaikan kepada semua pihak dan individu yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam persediaan Pelan Strategik UMP 2016-2020. Syabas kepada Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Kualiti (JHKK) yang telah mengurusetia proses pembangunan Pelan Strategik UMP 2016-2020.

67. Kepada para *champions*, *enablers*, *PICs* kepada KPI, ketua inisiatif dan projek yang bakal menggalas tanggungjawab dalam menentukan keberhasilan (*outcome*) setiap lonjakan, saya ingin mengucapkan selamat berkhidmat dengan cemerlang untuk UMP.

68. Perjalanan jauh kita ini memerlukan istiqamah, memerlukan persona inovasi dan memerlukan keberanian. Dalam pada itu juga, marilah kita menjaga pemikiran, menjaga perkataan, menjaga tindakan, menjaga tabiat dan menjaga watak agar kita dikurniakan Allah Ta'ala kesudahan yang baik. Walaupun kita hanyalah insan yang kerdil, namun jiwa dan cita-cita kita adalah besar untuk UMP dan kemampuan kita kini ialah menggarap takdir.

Sekian, terima kasih.